

Kod Pusat

Angka Giliran

No. KP

Kelolaan Bersama

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PA

dengan

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH
2013**

PENGETAHUAN AM

Masa: 1 jam

Arahan:

1. Tulis Kod Pusat, Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan (No. KP) kamu di dalam kotak yang disediakan.
2. Jangan dibuka buku soalan ini sehingga kamu diarahkan boleh berbuat demikian.
3. Baca dan fahamkan soalan-soalan yang diberikan sebelum kamu mula menjawab.
4. Kamu mestilah menjawab semua soalan.

UNTUK KEGUNAAN PEMARKAH SAHAJA

No. Kod Pemarkah	
------------------	--

Markah



BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul dan tuliskan huruf (A, B, C atau D) dalam petak yang disediakan.

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menunaikan Solat Jumaat pertama di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen di _____ pada hari Jumaat, 3 Ogos 2012.

A. Kampong Batu Apoi
B. Kampong Danau
C. Kampong Melayu Asli
D. Kampong Mulaut

2. Penguatkuasaan tariff baru penggunaan elektrik bagi sector perumahan awam di negara ini telah bermula pada _____.

A. 1 Januari 2011
B. 1 Disember 2011
C. 1 Januari 2012
D. 1 Disember 2012

3. Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah (HBT) 2012 menggambarkan keteguhan semangat kerjasama _____ yang menjadi teras kepada perpaduan serantau.

A. ASEAN
B. ASIA
C. FIFA
D. OIC

4. Peruntukkan bagi pelaksanaan RKN10 telah diberikan sebanyak _____

A. BND1.5 bilion
B. BND6.5 bilion
C. BND10.5 bilion
D. BND25.5 bilion

5. "Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta kerediaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan kebahagiaan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam."

Petikan di atas adalah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena _____.

- A. Pemasyhuran Bandar Brunei ke Bandar Seri Begawan
- B. Pemasyhuran Kemerdekaan
- C. Pemasyhuran Masjid Omar Ali Saifuddin
- D. Pemasyhuran Zaman Kegemilangan Brunei

6. Negara Brunei Darussalam meraikan Hari Harta Intelek Sedunia (World Intellectual Property Day) pada _____ setiap tahun.

- A. 15 Julai
- B. 23 Februari
- C. 26 April
- D. 31 Mei

7. Pelancaran nama baru beras SAT-11 iaitu _____ telah disempurnakan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Pehin Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada hari Rabu, 9 Mei 2012.

- A. Beras BARIO
- B. Beras LAILA
- C. Beras SIAM
- D. Beras TITIH

8. Hari Lautan Sedunia 2012 disambut dengan acara membersihkan _____.

- A. longkang
- B. makam
- C. pantai
- D. sungai

9. Anugerah Akreditasi Pembelajaran telah dianugerahkan kepada _____
- A. Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong
 B. Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Brunei
 C. Hospital Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Tutong
 D. Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait
10. Sejumlah BND230 juta diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 untuk _____ melaksanakan projek 'Fibre-to-the-Home', yang pada asasnya akan menyediakan infra-struktur jalur lebar yang menyeluruh.
- A. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
 B. Kementerian Kesihatan
 C. Kementerian Perhubungan
 D. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
11. ' _____ ' adalah tema Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi yang telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada Rabu, 4 Julai 2012.
- A. Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bahasa
 B. Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Bangsa
 C. Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Negara
 D. Memperteguh Ejaan Jawi Sebagai Khazanah Ugama
12. Persatuan ini meraikan hari penubuhannya pada 1 Julai setiap tahun.
- A. Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei.
 B. Persatuan Palang Merah Negara Brunei Darussalam.
 C. Persatuan Pandu-Puteri Negara Brunei Darussalam.
 D. Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.
13. Taman Rekreasi Herba Kampong Putat terletak di Mukim _____
- A. Bokok
 B. Lumapas
 C. Sukang
 D. Ukong

14. Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah menghantar tiga atlet ke Sukan Olimpik XXX London 2012 dalam acara _____.
- A. belapan dan renang
 - B. belapan dan sepak takraw
 - C. belapan dan silat
 - D. belapan dan tinju
-
15. 'Earth Hour' memupuk kesedaran penjimatan _____ di pejabat dan di rumah.
- A. air
 - B. kertas
 - C. tenaga
 - D. toner
-
16. Dasar penubuhan Dewan Bahasa Dan Pustaka, menyebarkan penggunaan _____.
- A. Bahasa Melayu
 - B. Bahasa Murut
 - C. Bahasa Portugis
 - D. Bahasa Tutong
-
17. Cuti Awam _____ dilanjutkan selama tiga hari bermula pada tahun 1434 Hijrah / 2012 Masihi.
- A. Awal Ramadhan
 - B. Hari Raya Aidil Adha
 - C. Hari Raya Aidil Fitri
 - D. Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam
-
18. Negara Brunei Darussalam telah mengikuti Program Kapal Belia Asia-Tenggara (SSEAYP) sejak tahun _____.
- A. 1974
 - B. 1985
 - C. 2001
 - D. 2012
-

19. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman adalah _____.
- A. Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri
 B. Menteri Kesihatan
 C. Menteri Pembangunan
 D. Menteri Pertahanan
20. _____ telah dianugerahkan Penulis Asia Tenggara (SEA WRITERS AWARDS) pada 9 November 2012 di Royal Ballroom Mandarin Oriental Bangkok, Thailand.
- A. Awangku Mohd. Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki
 B. Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Damit
 C. Pengiran Mahadi bin Pengiran Salleh
 D. Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd. Momin
21. _____ yang bertemakan 'Memahami Masa Lalu-Merancang Masa Hadapan' telah diadakan di Daerah Tutong pada 21 September 2012.
- A. Minggu Kempin Kesihatan Jantung Sedunia
 B. Minggu Penjimatan Air Sedunia
 C. Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia
 D. Minggu Perkampungan Belia Sedunia
22. Mesyuarat Rakan Kongsi Sama Parlimen Asia-Eropah (Asia-Europe Parliamentary Partnership Meeting- ASEP) Ke-7 telah diadakan di _____.
- A. Republik Demokratik Rakyat Lao
 B. Republik Filipina
 C. Republik Rakyat China
 D. Republic Singapura
23. Kumpulan K-3P, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan telah dipilih sebagai penerima _____ bagi Kategori Penyampaian Perkhidmatan Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-19 bagi Tahun 2012 yang telah diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada 1 Zulhijjah 1433 Hijrah/17 Oktober 2012 Masihi.
- A. Anugerah Emas
 B. Anugerah Perak
 C. Anugerah Gangsa
 D. Anugerah Saguhati

24. Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) bermula pada _____.
- A. 1 Mac 2012
 B. 1 Mei 2012
 C. 1 November 2012
 D. 1 September 2012
25. Penutupan premis perniagaan semasa Sembahyang Fardu Jumaat berkuat kuasa mulai 2 November 2012 bermula pukul _____.
- A. 10.00 pagi hingga 2.00 petang
 B. 11.00 pagi hingga 2.00 petang
 C. 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang
 D. 12.30 tengah hari hingga 2.00 petang
26. Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dalam ucapannya semasa merasmikan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2012 mengatakan industri _____ pada 20 tahun lepas adalah sebanyak BND17 juta dan sehingga kini mencecah BND82 juta.
- A. minyak dan gas
 B. perikanan
 C. perkapalan
 D. perumahan
27. Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada _____.
- A. 1 Januari 1984
 B. 18 Ogos 2001
 C. 23 Februari 2012
 D. 29 September 1991
28. Pasukan Brunei DPMM FC sekali lagi melakar sejarah bola sepak Negara apabila menamatkan Kempen Bola Sepak Liga Singapura 2012 dengan muncul sebagai _____ dengan menerima hadiah berupa medal dan cek bernilai 75 ribu ringgit Singapura.
- A. juara
 B. naik juara
 C. tempat ketiga
 D. tempat keempat

29. Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PPKB) di Cawangan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) di Pekan _____ mula beroperasi pada 1 Ogos 2012.

- A. Bangar
- B. Muara
- C. Seria
- D. Tutong

30. Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Endogan adalah Perdana Menteri _____ yang telah membuat lawatan ke Brunei Darussalam selama dua hari pada 10 dan 11 November 2012.

- A. Amerika Syarikat
- B. Australia
- C. India
- D. Turki

(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN B

Tulis **BETUL** atau **SALAH** di ruangan yang disediakan di bawah ini:

31. Dari dapatan Program Pemeriksaan Kesihatan menyeluruh bagi penjawat awam yang dilaksanakan pada 2007 hingga 2011 dengan melibatkan 12,550 orang ramai, didapati 62 peratus mengalami masalah kegemukan atau obes, 48 peratus mempunyai tahap kelessterol yang tinggi dan 23 peratus mempunyai tekanan darah tinggi.

32. Terasul adalah gabungan tingkat kata penghormatan dan kemuliaan yang digunakan sebelum menyebut nama gelaran yang diiringi oleh nama sebenar seseorang.

33. Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof telah menghadiri Mesyuarat Lembaga Eksekutif WHO Sesi Ke-130 di Ibu Pejabat WHO di New York.

34. Mesyuarat Menteri ASEAN-EU Ke-19 telah berlangsung pada 26 dan 27 April 2012 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas, dihadiri oleh Menteri-Menteri dan wakil-wakil dari ahli-ahli Negara ASEAN, Kesatuan Eropah, Sekretariat ASEAN serta Perkhidmatan Tindakan Luar Eropah (EEAS).

35. Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan giat mengunggayahkan Penghijauan dan kebersihan untuk menjadikan sebuah Bandar dalam Taman (*City in the Garden*) dan mempunyai alam sekitar yang bersih dan bebas dari pencemaran.

(10 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN C

Jawab soalan-soalan berikut di ruangan yang disediakan.

36. Nyatakan **dua jenis pakaian** yang dibolehkan ketika menghadiri Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi Pegawai-Pegawai, Kakitangan Kerajaan dan Orang Awan.

(a) _____

(b) _____

37. Pindaan Perintah Undang-Undang Keluarga Islam 1999 diperlukan untuk melicinkan lagi proses permohonan perlindungan *dharar Syarie*. Nyatakan **dua agensi/ jabatan/kementerian** sahaja yang terlibat dalam menangani *dharar Syarie*.

(a) _____

(b) _____

38. Berikan **nama dua jabatan/pejabat** yang terdapat dalam Kementerian Hal Ehwal agama.

(a) _____

(b) _____

39. Di Negara Brunei Darussalam terdapat tiga jenis hutan paya. Nyatakan **dua jenis sahaja hutan paya** tersebut.

(a) _____

(b) _____

40. Berikan **nama lengkap** bagi singkatan huruf di bawah ini.

(a) JPA = _____

(b) JPSN = _____

(20 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

BAHAGIAN D

Jawab semua soalan berikut:

41. Nyatakan lima tanda-tanda penyakit H1N1.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

42. Jawab soalan-soalan berikut yang berhubung kait dengan perkembangan Islam.

- (a) Hikmah solat dari sudut sains kesihatan secara umumnya boleh membantu manusia mengurangkan lemak dalam badan, melambatkan proses _____ dan melancarkan fungsi buah pinggang.
- (b) Syarat-syarat untuk mengerjakan ibadat korban ada lima iaitu Islam, _____, baligh, berakal dan berupaya.
- (c) _____ ialah menahan harta atau benda yang tertentu yang boleh diambil manfaat darinya serta kekal ainnya untuk dipergunakan pada jalan kebajikan dengan niat mendampirkan diri kepada Allah.
- (d) Dayang _____, johan qariah dalam Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia Tahun 1423 Hijriah / 2002 Masihi telah dianugerahkan Pemberian Insentif Elaun Sepanjang Hayat sebanyak BND2000.00 sebulan di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi.
- (e) Nuzul Al-Quran disambut setiap _____.

(10 markah)

43. Senaraikan lima nama kampung yang terdapat di Mukim Pengkalan Batu.

- (a) _____
 (b) _____
 (c) _____
 (d) _____
 (e) _____

(5 markah)

44. Penerima-penerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terdiri daripada:

- (a) _____
 (b) _____
 (c) _____
 (d) _____
 (e) _____

(5 markah)

45. Berikan nama ibu negeri bagi Negara-negara ASEAN di bawah ini.

- (a) Malaysia – _____
 (b) Republik Filipina – _____
 (c) Republik Indonesia – _____
 (d) Republik Kesatuan Myanmar – _____
 (e) Republik Rakyat Laos – _____


(5 markah)

(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

46. Isikan petak kosong dengan jawapan yang sesuai pada petak di bawah ini.

RUSSIA	UNITED KINGDOM	LAUTAN PASIFIK	SYRIA	PERU
--------	----------------	----------------	-------	------



(10 markah)

SELESAI

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

20

20